

Headline	Pokok getah bermutu untuk hasil lebih baik		
MediaTitle	Harakah		
Date	18 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Supplements	Circulation	150,001
Page No	F5	Readership	450,001
Language	Malay	ArticleSize	220 cm ²
Journalist	NYZA AYOB	AdValue	RM 1,512
Frequency	Twice in a Week	PR Value	RM 4,536



Pokok getah bermutu untuk hasil lebih baik

Oleh NYZA AYOB

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta menjelaskan sejauh mana kerjasama serta penyelidikan yang dilakukan antara Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB).

Dato' Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) berkata, berkaitan hasil hutan daripada kayu getah, ia mestilah bermula daripada batang pokok getah itu sendiri yang terhasil daripada benih yang baik.

"Saya hendak dapatkan penjelasan bagaimana kajian itu hendak dibuat? Siapa yang bertanggungjawab untuk membuat kajian menghasilkan benih getah baik untuk menghasilkan kedua-duanya

iaitu susu getah dan juga kayu getah itu daripada batang getah itu sendiri," katanya sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 di Dewan Rakyat, 6 Jun lalu.

Beliau menegaskan, perkara berkenaan harus diberikan penjelasan memandangkan jika tidak ada kerjasama, tidak akan terhasil satu kajian penyelidikan yang baik.

Beliau juga meminta kerajaan menjelaskan apakah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan mengkomersialkan penielidikannya serta jumlah hasil penyelidikan yang telah pun dihasilkan dan dikomersialkan.

"Kalau ada lagi yang tidak

boleh dikomersialkan, apa masalah yang tidak boleh

dikomersialkan? Masalah kerana hasil dapatan kajian itu yang tidak begitu baik atau bagaimana? Berapa jumlah royalti yang terkumpul yang dapat diperoleh selama ini daripada hasil-hasil penyelidikan yang telah dikomersialkan?" soalnya.

Selain itu katanya, kerajaan juga perlu menjelaskan sejauh mana kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta FRIM dapat melaksanakan tanggungjawab dalam mengekalkan 50 peratus hutan di seluruh negara.

Beliau juga meminta kerajaan menyatakan bagaimana kerajaan boleh mengimbangi 50 peratus hutan di negeri-negeri.

"Kadang-kadang kita tengok

di negeri-negeri sudah cukup teruk kawasan hutan. Jadi ini juga harus dilihat oleh

kementerian untuk memastikan supaya dapat mengimbangi kewujudan trend pencerobohan pembalakan haram yang

menyebabkan negeri-negeri tertentu berhadapan dengan masalah alam sekitar," katanya.



Pokok getah yang bermutu menghasilkan produk yang baik.